



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**20 SEPTEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,255 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 186,832 kes. Sebanyak 19 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu lima (5) kes Lahad Datu, empat (4) kes di Tawau dan Sandakan manakala Putatan, Beaufort, Penampang, Kudat, Kalabakan dan Kota Kinabalu masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 2,129 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 162,543 orang. Manakala 3,959 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,418 orang di hospital, 2,468 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 66 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala tujuh (7) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 180 orang merangkumi 135 di ICU/repurposed kritikal care serta 45 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 67 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Pada hari ini, Sabah masih meneruskan trend penurunan jangkitan dan merupakan angka terendah yang direkod sejak 10 Ogos 2021. Hari ini jumlah kes yang direkodkan ialah (1,255) kes dengan penurunan sebanyak (-101) kes berbanding (1,356) kes semalam.
- b. Secara keseluruhan, pola penurunan kes di Negeri Sabah seiring dengan bilangan daerah yang merekodkan penurunan dengan statistik 18 daerah mencatatkan penurunan, lapan (8) daerah mencatatkan peningkatan kes dan satu (1) daerah iaitu Sipitang, kekal dengan catatan sebagaimana semalam.
- c. Kota Kinabalu mencatatkan penurunan kes dengan catatan (176) kes, merekodkan penurunan sebanyak (-44) kes. Begitu juga dengan kawasan perbandaran lain yang turut merekodkan penurunan kecuali Putatan, Kudat dan Tawau.
- d. Antara daerah lain yang mencatatkan penurunan ketara ialah Pitas (-66) kes, Lahad Datu (-51) kes, Papar (-26) kes, Sandakan (-26) kes, Tambunan (-22) kes, Kota Marudu (-22) kes, Tongod (-17) kes, Tenom (-14) kes, Penampang (-13) kes dan Tuaran (-13) kes.
- e. Daerah lain yang mencatatkan peningkatan ketara pula ialah Beluran (+69) kes, Kinabatangan (+64) kes, Putatan (+38) kes, Ranau (+37) kes dan Kalabakan (+36) kes. Terdapat 10 kes melibatkan OKT/bantuan yang dicatat hari ini.
- f. Daripada (1,255) kes yang didaftar hari ini, (462) kes atau 36.82% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (73) kes atau 5.82% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan (63) kes atau 5.02% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari.
- g. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (602) kes atau 48.0%, Saringan Bergejala (357) kes atau 28.4%, (86) kes atau 6.9% daripada Saringan Kluster, (81) kes atau 6.5% dari Saringan Bersasar dan (129) kes atau 10.3% melalui Saringan Lain-lain.

- h. Daripada (1,255) kes yang berdaftar hari ini, (391) kes atau 31.16% adalah pesakit dalam Kategori 1, (800) kes atau 63.75% dalam Kategori 2, enam (6) kes dalam Kategori 3, (10) kes dalam Kategori 4 dan (12) kes dalam Kategori 5. (36) kes masih dalam siasatan. 84.14% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (602) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	86	6.9%
2	Bergejala	357	28.4%
3	Kontak	602	48.0%
4	Bersasar	81	6.5%
5	Lain-lain	129	10.3%
<b>JUMLAH</b>		<b>1,255</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (19 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 19/09/2021</b>	<b>Catatan Kes 20/09/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Beluran	26	95	+69
2	Kinabatangan	17	81	+64
3	Putatan	19	57	+38
4	Ranau	36	73	+37
5	Kalabakan	8	44	+36
6	Telupid	19	24	+5
7	Kudat	20	24	+4
8	Tawau	66	68	+2
9	Sipitang	7	7	Mendatar
10	Pitas	81	15	-66
11	Lahad Datu	122	71	-51
12	Kota Kinabalu	220	176	-44
13	Papar	69	43	-26
14	Sandakan	112	86	-26
15	Tambunan	31	9	-22
16	Kota Marudu	58	36	-22
17	Tongod	20	3	-17
18	Tenom	31	17	-14
19	Penampang	71	58	-13
20	Tuaran	94	81	-13
21	Kunak	19	10	-9
22	Semporna	13	5	-8
23	Beaufort	14	6	-8
24	Keningau	70	63	-7
25	Nabawan	27	22	-5
26	Kota Belud	78	74	-4
27	Kuala Penyu	8	7	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>1,356</b>	<b>1,255</b>	<b>-101</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (06 – 19 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	81	52	0	43	176	4,032
Lahad Datu	0	14	20	32	5	71	1,547
Beluran	0	37	8	49	1	95	618
Sandakan	0	24	21	0	41	86	2,654
Tuaran	0	71	6	0	4	81	1,787
Kinabatangan	81	0	0	0	0	81	848
Kota Belud	0	48	20	0	6	74	1,137
Ranau	0	61	9	0	3	73	805
Tawau	0	29	35	0	4	68	1,162
Keningau	5	40	17	0	1	63	1,142
Penampang	0	27	27	0	4	58	1,419
Putatan	0	23	33	0	1	57	922
Kalabakan	0	7	37	0	0	44	272
Papar	0	33	9	0	1	43	1,330
Kota Marudu	0	6	29	0	1	36	1,009
Kudat	0	17	6	0	1	24	559
Telupid	0	24	0	0	0	24	521
Nabawan	0	17	2	0	3	22	412
Tenom	0	6	5	0	6	17	412
Pitas	0	13	2	0	0	15	654
Kunak	0	6	3	0	1	10	382
Tambunan	0	7	2	0	0	9	238
Kuala Penyu	0	6	1	0	0	7	65
Sipitang	0	1	4	0	2	7	111
Beaufort	0	4	2	0	0	6	304
Semporna	0	0	4	0	1	5	250
Tongod	0	0	3	0	0	3	326
<b>JUMLAH</b>	<b>86</b>	<b>602</b>	<b>357</b>	<b>81</b>	<b>129</b>	<b>1,255</b>	<b>24,918</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Pagar Sebrang	5
Kinabatangan	Kluster Desa Jeroco 2	22
	Kluster Sawit M1	38
	Kluster Sawit Safoda	21
<b>JUMLAH</b>		<b>86</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Sawit M1 - Kinabatangan** dikategorikan sebagai kluster tempat kerja iaitu sebuah ladang sawit di Daerah Kinabatangan. Kes indeks adalah kerani, wanita, 25, yang didapati positif di Klinik Mabello Gum-Gum Sandakan pada 11 September 2021, selepas bergejala sejak 09 September 2021. Dengan keputusan positif dengan grading 100%, dan kes telah dirujuk ke PKRC Sandakan untuk mendapatkan rawatan lanjut. Aktiviti persampelan kontak yang dijalankan terhadap 112 orang seterusnya mendapati 37 orang kontak sosial, pekerja dan tanggungan telah didapati positif COVID-19., menjadikan jumlah kumulatif kes positif sebanyak 38 kes bagi kluster ini. Siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebarang jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang berdekatan yang lain.

7 Jumlah kapasiti katil 7,312 unit

- Hospital 1,936 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,676 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 54.14%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 20 SEPTEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,244
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	10
<b>Jumlah</b>	<b>1,255</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,056
Bukan Malaysia	199
<b>Jumlah</b>	<b>1,255</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	249
Belum Menerima Vaksin	411
Menerima 1 Dos	149
Lengkap 2 Dos	446
<b>Jumlah</b>	<b>1,255</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	17
1 to 5	102
6 to 11	130
12 to 17	136
18 to 59	737
>60	133
<b>Jumlah</b>	<b>1,255</b>



### C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 20 September 2021)
1	Ranau	7
2	Kota Marudu	4
3	Kota Kinabalu	3
4	Papar	3
5	Tawau	3
6	Kota Belud	2
7	Keningau	2
8	Kudat	2
9	Putatan	2
10	Beluran	1
11	Lahad Datu	1
12	Telupid	1
13	Tenom	1
<b>JUMLAH</b>		<b>32</b>

### D SOP PPN FASA 2 SEKTOR SUKAN DAN REKREASI BAGI SELURUH NEGERI SABAH

SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 sektor sukan dan rekreasi bagi seluruh negeri Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

### E KEBENARAN PEMAIN GOLF BERKONGSI BUGGY

Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memberi kebenaran untuk dua (2) orang pemain golf berkongsi satu (1) buggy, dengan syarat terdapat pemisah/dinding plastik di antara kedua-dua pemain tersebut. Semua pemain hendaklah juga telah lengkap divaksin dan mempunyai status risiko rendah pada aplikasi MySejahtera. Kebenaran ini berkuatkuasa mulai 21 September 2021.

## **F PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN NEGERI BEROPERASI PADA KAPASITI 80%**

Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk semua pejabat kerajaan Negeri Sabah beroperasi pada kapasiti 80% bekerja di pejabat dan 20% bekerja dari rumah, berkuatkuasa mulai 21 September 2021. Semua kakitangan yang hadir ke pejabat, dan semua pelanggan serta pengunjung hendaklah telah lengkap divaksin.

## **G PELAKSANAAN PKPD BARU**

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>Lokaliti PKPD</b>	<b>Tarikh Mula PKPD</b>	<b>Tarikh Tamat PKPD</b>
1.	Kampung Garib, Matunggong, Kudat	22 September 2021	5 Oktober 2021

## **H PENAMATAN PKPD**

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

<b>BIL</b>	<b>Lokaliti PKPD</b>	<b>Tarikh Mula PKPD</b>	<b>Cadangan</b>
1.	Kampung Tanjung Batu Tengah, Tawau	25 Ogos 2021	Ditamatkan pada 21 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Taman Limauan, Kinarut, Papar	25 Ogos 2021	Ditamatkan pada 21 September 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Dua (2) lokaliti di Kota Belud <ul style="list-style-type: none"><li>• Kampung Pantai Emas</li><li>• Kampung Lentigi</li></ul>	8 September 2021	Ditamatkan pada 21 September 2021 seperti yang dijadualkan

4.	Kampung Mompilis, Matunggong, Kudat	8 September 2021	Ditamatkan pada 21 September 2021 seperti yang dijadualkan
5.	Kampung Pahu Pinawantai, Ranau	8 September 2021	Ditamatkan pada 21 September 2021 seperti yang dijadualkan
6.	Kampung Lotong, Kota Marudu	1 September 2021	Ditamatkan pada 21 September 2021 lebih awal dari yang dijadualkan 28 September 2021

## I STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk yang menerima vaksin setakat 19 September 2021 bagi Dos 1, Dos 2 dan juga Vaksin Cansino adalah berjumlah 55,233 orang menjadikan kumulatif sebanyak 2,038,210 atau 70.4% dari populasi dewasa yang sudah menerima vaksin. Manakala penduduk yang telah lengkap divaksin adalah seramai 1,576,782 atau 57.2% dari populasi dewasa.
- 2 Pada hari ini juga sejumlah 28,690 golongan remaja telah menerima vaksin menjadikan kumulatif penerima vaksin di kalangan remaja sebanyak 96,161 atau 22.6% daripada 426,200 remaja antara 12-17 tahun di Negeri Sabah.

## J BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **607,803** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **K LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 78 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 31,228 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 111 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 67 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 18 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Dua (2) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
  - Lima (5) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - 10 Orang : Gagal Memakai Pelitup Muka
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 85 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 22 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil tiada tangkapan di buat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,092 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Lahad Datu. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 466 premis perniagaan dan 639 individu di 18 kawasan. Enam (6) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Sulaman Sentral City Dobi (1 Orang), Buy N Go Mart, Sulaman Sentral (2 Orang), Kanda Kulai Coconut Shake, Sulaman Sentral (1 Orang), PKRM Enterprise, Kuala Menggatal (1 Orang) dan Restoran Nyuk Tong Ke Zhan, Sulamat Sentral (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 254 Premis Perniagaan melibatkan 141 anggota APM. Sebanyak empat (4) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 21 premis, melibatkan sembilan (9) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 118 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 234 hebahan di seluruh Sabah.

**L KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Semporna	96.5%
2	Beluran	96.5%
3	Tenom	96.5%
4	Kunak	96.5%
5	Tuaran	96.5%
6	Keningau	96.5%
7	Kota Marudu	96.5%
8	Ranau	96.5%
9	Kota Kinabalu	96.5%
10	Sipitang	96.5%
11	Tawau	96.5%
12	Kota Belud	96.5%
13	Papar	96.5%
14	Kudat	96.5%
15	Beaufort	96%
16	Penampang	96%
17	Kinabatangan	96%
18	Lahad Datu	96%
19	Sandakan	96%


2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**



**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN SABAH**  
**PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 2 SABAH**  
**SEKTOR SUKAN DAN REKREASI**  
**TARIKH KEMASKINI: 20 SEPTEMBER 2021**

AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI YANG DIBENARKAN	OPERASI	
	TINDAKAN	PERINCIAN
<b>A) AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI</b> - Berjalan / <i>Jogging</i> - Berbasikal - Mengembara ( <i>hiking</i> ) - Golf (termasuk <i>driving range</i> ) - <i>E-sports</i> - Olahraga - Angkat Berat - Snuker & Billiard - Boling Padang - Tenpin Bowling - Petanque - Catur - <i>Rock Climbing</i>	1. Tanggungjawab pemilik venue latihan	a) Penggunaan premis dan fasiliti sukan dan rekreasi adalah <b>TERHAD</b> bagi <b>SEMUA</b> individu ( <b>jurulatih / peserta / pekerja</b> ) yang telah <b>MELENGKAPKAN VAKSINASI</b> sahaja dan berstatus risiko rendah COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera bagi melakukan semua aktiviti sukan dan rekreasi secara individu / berkumpulan bagi tujuan kesihatan, kecergasan dan kemahiran sendiri dengan mamatuhi penjarakan fizikal.  b) Masa pengoperasi semua aktiviti sukan dan rekreasi / fasiliti sukan ( <i>Indoor / Outdoor</i> ) adalah dari <b>6.00 pagi hingga 9.00 malam</b> .  c) Aktiviti kolam memancing <b>DIBENARKAN</b> beroperasi dari <b>6.00 pagi – 6.00 petang</b> dalam daerah yang sama.  d) Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi ( <i>Indoor / Outdoor</i> ) dengan pematuhan <b>60% kapasiti penggunaan / kawasan atau tidak melebihi 30 orang termasuk jurulatih / instruktur (mana-mana yang lebih rendah)</b> .

- <i>Paragliding</i> - <i>Dance Sports</i> - Senaman / Aerobik - Latihan Gimnasium - Sukan Pemotoran - <i>Rock Climbing</i> - Sukan Lasak ( <i>Extreme Sports</i> ) - Memanah - Lawan Pedang - Gimnastik / Gimrama - Menembak - Ekuestrian dan seumpamanya.  <b>B) SENI MEMPERTAHANKAN DIRI</b> - Pencak Silat - Karate - Taekwondo - Silambam - Wushu - Judo - Shorinji Kempo - Muay - Akido		e) Operator kompleks / fasiliti sukan perlu memaparkan Imbasan QR ( <i>QR Code</i> ) MySejahtera untuk pendaftaran individu ke premis / fasiliti sukan. Bagi kawasan yang tidak mempunyai capaian internet, perlu disediakan pendaftaran secara manual.  f) Operator kompleks / fasiliti sukan wajib menyediakan hand sanitizer, dan pengimbas suhu (non – contact thermometer) di setiap pintu masuk premis terbuka ( <i>open space</i> ) untuk semua pengguna;  g) Catat suhu badan (tidak melebihi 37.5°C), nama dan nombor perhubungan dicatat atau didaftar dalam aplikasi MySejahtera / Sabah Trace atau buku catatan kehadiran sebelum memasuki premis.  h) Kontak rapat pesakit positif, Person Under Surveillance (PUS) atau Person Under Investigation (PUI) dan individu yang mempunyai gejala (seperti selsema, batuk, sakit tekak, demam, sakit kepala dan suhu badan melebihi 37.5 darjah Celsius) adalah <b>DILARANG</b> untuk memasuki / menyertai / melakukan aktiviti sukan dan rekreasi.  i) Individu yang tidak berkenaan <b>TIDAK</b> dibenarkan berada di dalam premis / venue.  j) Pastikan juga premis / tempat latihan mempunyai sistem pengudaraan ( <i>ventilation</i> ) yang baik dan mematuhi peraturan yang ditetapkan Pihak Berkuasa yang berkaitan.  k) Parameter dan nilai piawai bagi kualiti air adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Kualiti Air Kolam Renang yang terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP).
---	--	---

dan seumpamanya.		1) Semua fasiliti dalam kolam renang perlu memastikan mempunyai sistem tapisan air ( <i>water filter</i> ) yang berfungsi dengan baik. Penggunaan kemudahan / peralatan latihan perlu dinyahkumkan setiap kali selepas penggunaan.
<b>C) SUKAN RAKET</b> ( <i>Single / Doubles</i> ) - Badminton - Ping Pong - Tenis - Squash - Soft Tenis dan seumpamanya.	2. Penganjuran Kejuhanan / Pertandingan	a) Penganjuran kejuhanan atau pertandingan secara kuarantin dan tertutup <b>TANPA</b> kehadiran penonton / penyokong mengikut Model Gelembung Sukan <b>TERHAD</b> kepada anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Liga Bola Sepak Malaysia (Malaysian Football League), Kejuaraan Petronas Club Prix dan mana-mana <b>DENGAN KEBENARAN KHAS KBS</b> sahaja.  b) Program Latihan Berpusat secara kuarantin yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis-Majlis Sukan Negeri (MSN Negeri) menggunakan konsep <i>Camp Base Training / SOP Camp Base Training</i> adalah dibenarkan.  c) Program latihan berpusat termasuk perlawanan latihan secara kuarantin bagi pasukan-pasukan dalam Malaysian Football League (MFL) dan mana-mana <b>DENGAN KEBENARAN KHAS KBS</b> sahaja menggunakan <b>Model Gelembung Sukan (Camp Base Training)</b> .
<b>D) SUKAN BERPASUKAN</b> - Hoki - Bola Jaring - Bola Keranjang - Sepak Takraw - Ragbi - Kriket - Bola Sepak - Bola Tampar - Bola Baling - Futsal dan seumpamanya.	3. Kebersihan Premis dan Peralatan	a) Semua peralatan perlu dinyahkumkan sebelum, selepas operasi dan <b>SETIAP KALI penggunaan</b> .  b) <b>DILARANG</b> berkongsi air minuman, makanan, pakaian, tuala muka dan peralatan peribadi.  c) Pastikan langkah-langkah kebersihan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti dipatuhi.
<b>E) AKTIVITI AIR</b> (Kolam / Sungai / Laut)		

- <u>Renang</u> - <u>Terjun</u> - <u>Renang Irama</u> - <u>Memancing</u> - <u>Pelayaran</u> - Kanu / Kayak - <u>Snorkeling / Diving</u> - <u>Surfing</u> - <u>Sea Gliding / Walking</u> - <u>Elektronik boat</u> - <u>Jet ski</u> - <u>Skateboarding</u> dan seumpamanya.		d) <u>Pastikan kebersihan diri dan memakai pakaian yang bersesuaian sepanjang melakukan aktiviti.</u>
	4. <u>Penjarakan Fizikal</u>	a) <u>Pastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 hingga 3 meter ketika melakukan aktiviti sukan dan rekreasi.</u>  b) <u>Setiap aktiviti dinamik yang dilakukan perlu ditanda dengan jarak sekurang-kurangnya 2 – 3 meter jarak antara satu sama lain.</u>  c) <u>Pastikan meninggalkan premis / tempat latihan secepat mungkin selepas aktiviti latihan.</u>
	5. <u>Penggunaan Pelitup Muka</u>	a) <u>Memastikan setiap individu menyediakan pelitup muka masing-masing untuk kegunaan sebelum dan selepas latihan / aktiviti dilakukan.</u>
	6. <u>Peraturan / Arahan Pihak Berkuasa Tempatan</u>	a) <u>Tertakluk kepada peraturan dan arahan semasa Pihak Berkuasa Tempatan;</u>  b) <u>Operasi di Kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan.</u>